

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini merupakan satu penyelidikan lapangan dari perspektif pragmatik yang menganalisis wacana lisan bahasa Melayu dalam konteks tanya-jawab di bilik darjah. Penyelidik membuat penelitian terhadap variasi lakuan bahasa (LB) pertanyaan langsung dan tak langsung yang diterbitkan oleh para pensyarah dan pelajar-pelajar dalam lima sesi pengajaran dan pembelajaran yang telah disampelkan. Data kajian dianalisis berlandaskan teori LB tentang syarat-syarat kesesuaian yang disarankan oleh Searle (1969:66). Di dalam bab ini, aspek-aspek teori konseptual, reka bentuk, kaedah pengumpulan data dan perkara lain yang berkaitan diperjelaskan secara terperinci.

3.2 Kerangka Teori

Kajian ini dilakukan berlandaskan teori Lakuan Bahasa yang disarankan oleh Searle (1969). Teori ini menekankan peranan niat dan maksud penutur dalam menghasilkan sesuatu ujaran, iaitu penutur melakukan sesuatu dalam pertuturan dan bukan hanya melafazkan kata-kata sahaja. Menurut Searle, setiap ujaran menggambarkan suatu lakuan bahasa. Demi mengkategorikan pertuturan ke dalam jenis-jenis lakuan bahasa yang berbeza, beliau menentukan syarat kesesuaian untuk setiap jenis pertuturan yang wujud dalam interaksi yang terlibat. Syarat kesesuaian berlaku apabila perkataan-perkataan digunakan dengan baik dan teratur untuk melakukan sesuatu tindakan.

Untuk mengetahui sama ada suatu ujaran itu mempersembahkan satu LB atau lebih pada masa yang sama, kita boleh merujuk kepada teori LB. Terjemahan bahasa Melayu tentang jenis-jenis rumus Searle (1969) di bawah berikut diambil daripada Ahmad Mahmood (1998) dan disesuaikan mengikut keperluan kajian ini.

PERTANYAAN

Jenis Rumus

Kandungan Proposisi
Persediaan

Sebarang proposisi atau fungsi proposisi.

1) Penutur tidak mengetahui jawapannya, iaitu penutur tidak mengetahui sama ada proposisi tersebut benar atau tidak, atau dalam konteks fungsi proposisi, penutur tidak mengetahui maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan proposisi tersebut dengan betul.

2) Penutur dan pendengar tidak pasti sama ada pendengar akan memberi maklumat tersebut pada masa itu jika tidak ditanya.

Keikhlasan
Tujuan

Penutur mahukan maklumat tersebut.

Menganggap sebagai satu percubaan untuk mencungkil maklumat tersebut daripada pendengar.

Berdasarkan konteks penggunaan sebenar dalam bilik darjah yang diselidik, suatu ujaran boleh dikenalpastikan sebagai pertanyaan apabila ujaran tersebut merupakan proposisi yang tidak lengkap, dan penutur (tidak kira pensyarah atau pelajar) kekurangan maklumat untuk melengkapkan proposisi tersebut. Penutur juga tidak pasti sama ada pendengar (mungkin pensyarah, pelajar tertentu atau seluruh kelas) akan memberikan maklumat tersebut pada masa itu jika tidak ditanya. Oleh sebab penutur memang hendakkan maklumat tersebut, penutur cuba mencungkil maklumat tersebut dengan bertanya kepada pendengar.

PERMINTAAN

Jenis Rumus

Kandungan Proposisi
Persediaan

Lakuan susulan daripada pendengar.

1) Pendengar dapat melakukan lakuan susulan. Penutur yakin pendengar dapat melakukan lakuan susulan.
2) Tidak jelas kepada kedua-dua penutur dan pendengar, sama ada pendengar akan melakukan lakuan susulan dalam keadaan biasa secara sukarela.

Keikhlasan
Tujuan

Penutur mahu pendengar melakukan lakuan susulan.
Menganggap sebagai satu percubaan untuk membuat pendengar melakukan lakuan susulan.

Berdasarkan konteks penggunaan sebenar dalam bilik darjah yang diselidik, suatu ujaran boleh dikenalpastikan sebagai permintaan apabila ujaran tersebut menunjukkan maksud penutur (mungkin pensyarah atau pelajar) meminta supaya pendengar (sama ada pelajar tertentu, seluruh kelas ataupun pensyarah berkenaan) dapat memberikan maklumat kepada penutur. Penutur dan pendengar masing-masing tidak pasti sama ada pendengar akan memberikan maklumat atau tidak jika tidak diminta berbuat demikian. Oleh sebab penutur memang menghendaki maklumat tersebut, penutur mencuba mencungkil maklumat tersebut.

AJAKAN

Jenis Rumus

Kandungan Proposisi	Penutur menyebutkan lakuan susulan kepada pendengar.
Persediaan	Penutur tidak mengetahui sama ada pendengar mahukan lakuan susulan atau tidak dengan pasti.
Keikhlasan	Penutur bermaksud untuk melakukan lakuan susulan.
Tujuan	Penutur berperanan melakukan lakuan susulan.

Berdasarkan konteks penggunaan sebenar dalam bilik darjah yang diselidik, suatu ujaran boleh dikenalpastikan sebagai ajakan apabila penutur (sama ada pensyarah atau pelajar) menyebut suatu perbuatan ajakan untuk dilakukan oleh pendengar (mungkin pelajar tertentu, seluruh kelas ataupun pensyarah berkenaan). Penutur juga tidak pasti sama ada pendengar hendak melakukannya atau tidak. Penutur sebenarnya memang bermaksud melakukan perbuatan mengajak. Oleh itu, penutur diberi peranan untuk mengajak pendengar melakukan sesuatu.

PENGESAHAN

Jenis Rumus

Kandungan Proposisi
Persediaan

Sebarang proposisi.

- 1) Penutur mempunyai bukti (alasan, dsb.) tentang kebenaran proposisi.
- 2) Penutur dan pendengar tidak pasti sama ada pendengar mengetahui proposisi atau tidak.

Keikhlasan

Penutur menyakini kebenaran proposisi.

Tujuan

Menganggap sebagai satu tanggungjawab untuk menyakinkan bahawa proposisi mewakili keterangan tentang hal yang sebenar.

Berdasarkan konteks penggunaan sebenar dalam bilik darjah yang diselidik, suatu ujaran boleh dikenalpastikan sebagai pengesahan apabila penutur (sama ada pensyarah atau pelajar) mempunyai alasan tentang kebenaran proposisi. Kedua-dua pihak penutur dan pendengar (mungkin pelajar tertentu, seluruh kelas ataupun pensyarah berkenaan) tidak pasti sama ada pendengar mengetahui proposisi tersebut atau tidak. Penutur juga yakin tentang kebenaran proposisi tersebut. Oleh demikian, penutur berperanan menyakinkan pendengar tentang kebenaran proposisi dengan memberikan pengesahan tersebut.

NASIHAT

Jenis Rumus

Kandungan Proposisi
Persediaan

Lakuan susulan daripada pendengar.

- 1) Penutur mempunyai alasan untuk mempercayai lakuan susulan akan menguntungkan pendengar.
- 2) Penutur tidak jelas kepada penutur dan pendengar sama ada pendengar akan melakukan lakuan susulan dalam keadaan biasa.

Keikhlasan


Penutur yakin lakuan susulan menguntungkan pendengar.

Tujuan

Dianggap sebagai tanggungjawab penutur menyakinkan bahawa lakuan susulan akan memberikan kebaikan kepada pendengar.

Berdasarkan konteks penggunaan sebenar dalam bilik darjah yang diselidik, suatu ujaran boleh dikenalpastikan sebagai nasihat apabila penutur (lazimnya merujuk kepada pensyarah sahaja) mengharapkan lakuan susulan daripada pendengar (mungkin pelajar tertentu, ataupun seluruh kelas). Dalam keadaan ini, penutur iaitu pensyarah mempunyai alasan untuk mempercayai lakuan susulan itu akan menguntungkan pendengar, iaitu pelajar tertentu ataupun semua pelajar. Penutur dan pendengar tidak pasti sama ada pendengar akan menerima nasihat tersebut atau tidak dalam keadaan biasa. Namun demikian, penutur memang yakin bahawa nasihat tersebut akan memberi manfaat atau kebaikan kepada pendengar. Dengan itu, penutur bertanggungjawab menyakinkan pendengar bahawa nasihat tersebut akan memberikan kesan baik atau keuntungan kepada pendengar.

Menurut Ahmad Mahmood, (2000:1319), dalam konteks situasi tertentu, suatu ujaran dengan struktur ayat tanya tidak sahaja mendukung makna pertanyaan, tetapi juga dapat mendukung pelbagai makna lain. Misalnya, ayat tanya turut digunakan dalam permintaan, khususnya permintaan tak langsung. Sehubungan itu, jika suatu ayat dapat mendukung pelbagai makna, sama ada pertanyaan, permintaan, atau ajakan, unit yang mengikutinya juga dapat mendukung pelbagai makna, sama ada sebagai jawapan, persetujuan, penolakan atau sebagainya. Struktur tanya-jawab dengan pelbagai kemungkinan maknanya ditunjukkan pada Rajah 3.1.



Rajah 3.1 Struktur tanya-jawab dengan pelbagai kemungkinan makna

(Disesuaikan berdasarkan Ahmad Mahmood, 2000:1320)

Berdasarkan pernyataan rumus-rumus di atas, maka adalah jelas bahawa teori LB Searle yang menyentuh tentang LB pertanyaan dan lakuan-lakuan bahasa lain yang berkaitan dengan ujaran yang bentuk interogatif memang sesuai dijadikan sebagai kerangka analisis dalam kajian ini.

3.3 Responden Dan Persampelan

Para responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada dua kategori, iaitu 5 orang pensyarah dan 68 orang pelajar daripada Politeknik Ungku Omar (PUO). Persampelan dibuat secara khusus ke atas kategori pensyarah Jabatan Pengajian Am yang ditugaskan mengajar kursus Pendidikan Moral. Daripada jumlah keseluruhan tujuh orang pensyarah berkenaan, penyelidik telah memilih lima orang pensyarah atas keperluan kesesuaian hari dan masa antara penyelidik dengan pensyarah-pensyarah berkenaan. Kesemua

pensyarah yang dipilih berkelulusan ijazah sarjana muda dan diploma pendidikan. Latar belakang etnik dan gender mereka tidak diambil kira dalam kajian ini. Oleh kerana pensyarah-pensyarah tersebut dipilih berdasarkan tujuan penyelidikan di atas, maka persampelan kajian ini adalah secara bertujuan (*purposive sampling*).

Atas sebab persampelan bertujuan ini, pelajar-pelajar dalam kelas Pendidikan Moral yang diajar oleh kelima-lima orang pensyarah berkenaan terus dijadikan sebagai responden kategori pelajar. Kesemua pelajar ini terdiri daripada kaum Cina atau kaum India yang bukan beragama Islam dan dalam lingkungan umur 18 hingga 20 tahun. Mereka merupakan pelajarambilan sesi Julai tahun 2009 dari lima buah jabatan yang berlainan, iaitu Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi, Jabatan kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Perkapalan dan Jabatan Perdagangan. Pelajar yang mengambil bahagian secara aktif dalam tanya-jawab semasa pelajaran berlangsung diberikan kod pengenalan khas untuk memudahkan penganalisan data dan perbincangan dapatan.

Dalam kajian ini, sebanyak lima sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dalam konteks bilik darjah dirakam sebagai sampel. Oleh kerana sampel tidak mewakili semua pensyarah dan pelajar yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral, hasil kajian hanya mewakili kumpulan responden kajian ini sahaja.

3.4 Instrumen Penyelidikan

Penyelidik menggunakan tiga teknik sepanjang proses pengumpulan data, iaitu kaedah pemerhatian tidak turut serta, catatan bertulis dan rakaman audio di dalam bilik darjah. Tujuan penyelidik memilih dialog-dialog daripada pihak luar dengan tidak melibatkan

penyelidik sendiri demi meningkatkan objektiviti dan kebolehpercayaan dalam kajian ini.

Mohamad Najib (2000:108) mengusulkan bahawa masalah utama bagi penyelidik yang membuat pemerhatian di dalam bilik darjah adalah sensitiviti responden, iaitu tentang kehadiran orang lain dalam persekitarannya. Oleh itu, hanya pensyarah berkenaan sahaja dimaklumkan bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran mereka akan dirakam bagi tujuan penyelidikan.

Di samping itu, atas sebab menjaga keselesaan para pelajar dan memastikan penghasilan mutu percakapan kelas yang realistik, maka penyelidik perlu melakukan pemerhatian dan rakaman audio secara diam-diam untuk mengelakkan para pelajar menyedari bahawa tingkah laku mereka diperhatikan dan direkodkan. Semasa memerhatikan interaksi dalam bilik darjah, penyelidik mencatat tingkah laku responden yang hanya berkaitan dengan kehendak kajian. Dalam hal ini, penyelidik perlu peka kepada sebarang perubahan peristiwa dan berfikir dengan cepat untuk membuat keputusan sama ada kejadian tersebut ada kaitan dengan matlamat kajian, iaitu perlu dicatat atau tidak. Sebarang tafsiran dan inferensi dibuat pada peringkat kemudian untuk mengelakkan bias daripada penyelidik.

Bagi memperoleh mutu rakaman audio yang baik, penyelidik menggunakan alat perakam suara digital. Data-data rakaman ini adalah bersifat asli kerana peristiwa bahasa berlaku dalam latar interaksi bilik darjah yang sebenar. Setiap rakaman yang berlangsung kira-kira satu jam ini kemudian ditranskripsikan secara verbatim. Transkripsi data ini dilakukan berdasarkan konvensyen transkripsi Jefferson (1984) dan disesuaikan mengikut keperluan kajian ini. Transkripsi data yang telah disempurnakan

perlu disemak berulang kali agar kerja penganalisaan kemudian dapat dilakukan dengan lebih tepat.

3.5 Pelaksanaan Penyelidikan

Sebelum melakukan penyelidikan di PUO, penyelidik memohon kebenaran rasmi daripada Pusat Penyelidikan Dan Pembangunan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Selepas itu, penyelidik dikehendaki memohon kelulusan rasmi daripada pihak pengurusan PUO agar dibenarkan mengikuti lima sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah untuk tujuan pengumpulan data kajian.

Seterusnya penyelidik perlu berbincang dengan setiap responden pensyarah bagi mendapat persetujuan untuk melakukan pemerhatian dan rakaman audio dalam kelas mereka. Prosedur ini adalah amat penting bagi memperolehi kesefahaman dan kerjasama daripada pensyarah berkenaan agar proses pengumpulan data dapat berjalan dengan lancar.

3.6 Reka bentuk Penyelidikan

Kajian ini berbentuk deskriptif dari jenis kajian kes yang mengkaji ujaran-ujaran berunsur tanya-jawab yang dihasilkan oleh lima orang pensyarah dan pelajar-pelajar mereka dalam konteks bilik darjah. Aspek penentuan lokasi amat penting dalam penyelidikan yang melibatkan kajian kes. Oleh sebab skop dan objektif dalam kajian ini melibatkan pensyarah dan pelajar di politeknik dari segi penggunaan strategi tanya-jawab, maka adalah relevan bagi penyelidik memilih PUO sebagai lokasi untuk menjalankan penyelidikan ini.

Selain itu, penentuan lokasi penyelidikan juga atas kekangan masa penyelidikan. Oleh kerana penyelidik merupakan staf akademik di PUO, hal ini memungkinkan penyelidik memperoleh kerjasama atau maklumat-maklumat tambahan daripada pihak pentadbiran berserta rakan sekerja institusi ini dengan lebih mudah dan cepat.

3.7 Penganalisan Data

Setelah selesai memungut data, pengolahan dan penganalisan data dilakukan. Analisa data ini pada amnya lebih berbentuk kualitatif. Ini adalah kerana data perbualan yang dipungut dalam bentuk rakaman audio sesuai dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif. Walau bagaimanapun, huraian secara kuantitatif juga dilakukan bagi memastikan hasil kajian adalah sahih dan boleh dipercayai. Memandangkan sampel kajian dihasilkan dalam konteks bilik darjah, penyelidik menyusun kandungan transkripsi data tersebut berdasarkan struktur pertukaran dalam bilik darjah (Sinclair dan Coulthard, 1975).

Berdasarkan struktur pertukaran tersebut, penyelidik dapat mengesan dan mengenalpasti ujaran-ujaran berunsur tanya-jawab yang terkandung sama ada dalam komponen inisiasi ataupun komponen respons. Kesemua pertanyaan yang ditemui dalam data kemudian dikategorikan kepada jenis pertanyaan tertutup atau pertanyaan terbuka untuk diteliti taburan kekerapan, peratusan dan purata penggunaannya antara kategori pensyarah dan pelajar. Pengategorian jenis pertanyaan ini dapat membantu penyelidik untuk mengesan strategi tanya-jawab yang diperlihatkan dalam data kajian.

Seterusnya, beberapa urutan tanya-jawab dalam data untuk dianalisis mengikut kerangka teori LB yang dikemukakan oleh Searle (1969). Berdasarkan syarat kesesuaian beliau, penyelidik dapat mengenalpasti sama ada sesuatu ujaran dalam

bentuk interogatif itu hanya bermaksud bertanya atau sebenarnya ujaran itu mempunyai fungsi-fungsi yang lain.

Jawapan susulan daripada pertanyaan berkenaan turut dikaji dengan merujuk kepada konteks dan urutan ujaran. Dengan demikian, penyelidik akan memperoleh gambaran yang lebih jelas tentang penggunaan strategi tanya-jawab di kalangan pensyarah dan pelajar, iaitu sama ada pertanyaan atau jawapan berkenaan berupa secara langsung atau tak langsung. Hasil daripada itu, penyelidik dapat mengesan dan menghuraikan strategi tanya-jawab utama yang digunakan dalam bilik darjah berdasarkan fungsi-fungsi pertanyaan dan jawapan dalam konteks berkenaan.

3.8 Kesimpulan

Penyelidik mengumpul data melalui pemerhatian tidak turut serta, catatan pemerhatian berserta rakaman audio tentang interaksi yang melibatkan tanya-jawab dalam bilik darjah. Ketiga-tiga instrumen ini dapat mengelakkan kesan bias dan menjamin interpretasi penyelidik yang lebih tepat dan menyeluruh berdasarkan data empirikal ini.